

# **KARYA SENI VISUAL KOLEKTIF PANGROK SULAP DALAM KONTEKS PERUBAHAN SOSIAL-BUDAYA DI SABAH**

## **VISUAL ARTWORKS OF PANGROK SULAP IN THE CONTEXT OF SOCIO-CULTURAL CHANGE IN SABAH**

**Issarezal Bin Ismail<sup>1</sup>, Humin Bin Jusilin<sup>2</sup>**

Correspondence: Dr. Issarezal Bin Ismail

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah

[issarezal78@gmail.com](mailto:issarezal78@gmail.com)

### **ABSTRACT**

Today's contemporary visual art is a reflection of the changes that have taken place in society and culture in which the visual artwork was created. This study aims to explain the visual artwork of the Pangrok Sulap collective in the context of social-cultural change in Sabah covering idea or theme, form, types, style, symbol and meaning. A qualitative approach that emphasizes on a system of descriptive, holistic, detailed and in-depth explanatory systems is used and linked through the art criticism point of view as a tool of analysis, either as a way of analyzing form or interpreting the symbolic meaning of the presence symbols drawn from various data source such as artworks, documents and observations. The findings shows that visual artworks from Pangrok Sulap collective reflect the complexity of the issues or problems of social-cultural change that have taken place in Sabah especially from the ideas or themes of the artworks. It is expressed through the application of local and personal symbols to formed two dimensional print-making art in the style of Expressionism.

**Keywords:** contemporary visual art, Pangrok Sulap collective, social-cultural change

### **ABSTRAK**

Seni visual kontemporari pada masa kini adalah refleksi dari perubahan yang terjadi pada masyarakat dan kebudayaan di mana karya seni visual itu diciptakan. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan karya seni visual dari kolektif Pangrok Sulap dalam konteks perubahan sosial-budaya di Sabah yang mencakupi ide atau tema, bentuk, jenis, gaya, simbol dan makna. Pendekatan kualitatif yang menekankan pada sistem penjelasan yang bersifat deskriptif, holistik, terperinci dan mendalam digunakan sekaligus dihubungkan melalui cara pandang kritik seni yang berfungsi sebagai perangkat analisis, baik sebagai cara menganalisis bentuk mahu pun menginterpretasikan makna simbolik dari kehadiran simbol yang diambil dari pelbagai sumber data seperti karya seni visual, dokumen dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa karya-karya seni visual dari kolektif Pangrok Sulap merefleksikan kompleksiti isu atau permasalahan perubahan sosial-budaya yang sudah dan sedang terjadi di negeri Sabah khususnya jika dilihat dari ide atau tema pengkaryaan. Hal tersebut diekspresikan melalui penerapan simbol-simbol lokal serta personal pada karya-karya berbentuk dua dimensi dari jenis seni cetakan yang kuat dengan gaya Ekspressionisme.

**Kata Kunci:** seni visual kontemporari, kolektif Pangrok Sulap, perubahan sosial-budaya

## **Pendahuluan**

Perjalanan seni visual di Malaysia mutakhir ini telah berkembang selari dengan perkembangan seni visual di negara-negara lain, baik dilihat dari perspektif serantau mahu pun dari perspektif antarabangsa. Perkembangan ini disebut sebagai seni visual kontemporari yang difahami sebagai refleksi atau cerminan dari perubahan masyarakat dan kebudayaan di mana sesebuah karya seni visual itu diciptakan. Hal inilah yang cuba ditegaskan oleh Turner (1999: 23) bahawa seni visual kontemporari adalah produk dari pertembungan masa lalu, masa kini dan masa depan; suatu konfrontasi dengan segala bentuk perubahan yang terjadi di bidang ekonomi, teknologi, masyarakat dan juga budaya di mana kesemuanya saling berinteraksi antara satu sama lain.

Penjelasan di atas sekurang-kurangnya mengisyaratkan bahawa seni visual kontemporari saat ini hadir sebagai sebuah ruang bagi seniman merefleksikan kembali apa yang telah dan sedang terjadi pada masyarakat

dan kebudayaan di sekitarnya. Seperti yang diungkapkan oleh Saidi (2008: 1), kelahiran sebuah karya seni visual selalu dimotivasikan oleh pelbagai persoalan yang terjadi dalam masyarakat mahu pun kebudayaan kerana karya seni visual tidak wujud dalam ruang vakum bahkan sangat dipengaruhi oleh latar ruang dan waktu di mana ianya diciptakan.

Melihat kepada realiti sezaman selepas negara ini memasuki milenium ketiga telah menimbulkan sejumlah polemik. Polemik tersebut pada dasarnya menjurus kepada kesan atau impak dari kemajuan, perkembangan dan perubahan zaman itu sendiri terhadap masyarakat dan kebudayaannya. Sebagai salah satu negeri di dalam Malaysia, negeri Sabah sudah tentunya tidak terkecuali dari menerima tempias dari gejala perubahan sosial-budaya tersebut. Antara gejala perubahan sosial-budaya yang sangat ketara sejak akhir-akhir ini adalah perubahan lingkungan alam sekitar yang terhasil dari tindakan manusia, perubahan gaya hidup yang disebabkan oleh perkembangan pesat teknologi informasi dan komunikasi, pertambahan penduduk yang disebabkan oleh penghijrahan manusia lintas sempadan dan lain-lain lagi.

Dikaitkan dengan perkembangan seni visual kontemporarinya, boleh dikatakan pada masa lalu banyak kajian atau tulisan akademik berkenaan seni visual di negara ini sebenarnya lebih difokuskan pada konteks yang lebih luas iaitu menempatkannya dalam ruang lingkup Malaysia (lihat misalnya Abdul Halim Hussain, 2007; Attoinette, 2002; Hasnul Jamal Saidon, 2003; Mulyadi Mahamood, 2000; Hazrizan Masri & Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani, 2015; Jasni Dollah, 2015; Liza Marziana Mohamad Noh & Ahmad Rashidi Hasan, 2015; Mazlan Abdul Karim & Abdul Rahman Mohamed, 2011; Safrizal Shahir, 2009; Sarena Abdullah, 2012, dan; Redza Piyadasa 1993). Manakala, di sisi lain, kebanyakan kajian atau tulisan akademik lebih cenderung memandangkan kesenian di Sabah dalam ruang lingkup kesenian tradisional (lihat Ismail Ibrahim, 2005 dan Humin Jusilin, 2013).

Berdasarkan hal tersebut dan deskripsi pengenalan yang telah dijelaskan di atas, maka adalah menjadi suatu hal yang mendesak untuk mendekati, menyiasati sekaligus menjelaskan seni visual kontemporari di Sabah dan menempatkannya dalam konteks perubahan sosial-budaya yang sedang berlangsung saat ini.

Tujuan atau objektif ini pula selari dengan persoalan-persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini iaitu antara lain termasuklah; (1) Apakah ide atau tema pengkaryaan kolektif Pangrok Sulap yang diekspresikan melalui penggunaan simbol atau tanda dalam konteks perubahan sosial-budaya di Sabah? dan; (2) Apakah bentuk, jenis dan gaya dari karya seni visual mereka itu?

### **Istilah- Istilah Utama**

Sebagaimana yang telah dijelaskan terlebih dahulu, tajuk kajian ini adalah “Karya Seni Visual Kolektif Pangrok Sulap dalam Konteks Perubahan Sosial-Budaya di Sabah”. Dari tajuk tersebut dapat pula ditentukan beberapa istilah utama yang dapat merujuk kepada beberapa konsep-konsep tertentu seperti karya seni visual, kolektif dan perubahan sosial-budaya. Oleh kerana itu, penjelasan yang bersifat konseptual perlu dilaksanakan supaya tidak terjadi kesalahfahaman atau bias terhadap istilah-istilah yang digunakan.

Sebagai satu konsep, Barrett (1982: 6) mengemukakan bahawa karya seni visual adalah penggunaan media bagi mengatur pengalaman subjektif ke dalam bentuk visual. Meskipun pernyataan tersebut tampaknya ringkas dan padat, namun dapat dirumuskan bahawa gejala yang ditakrifkan sebagai karya seni visual itu pada hakikatnya dapat menunjuk kepada dua arah. Arah pertama menunjuk pada objek, benda atau karya seni sebagai bentuk ekspresi yang dapat disebut sebagai bentuk. Manakala, arah kedua menunjuk pada muatan pesan, ide atau tema yang berada di sebalik karya seni visual atau yang seringkali disebut sebagai isi.

Struktur bentuk karya seni visual hanya dapat terwujud kerana adanya medium. Melalui medium dapat dikenalpasti bahan atau material, peralatan dan juga teknik yang digunakan. Kesatuan antara komponen struktur dan medium ini selanjutnya menjelma ke dalam asas-asas visual yang dikembangkan melalui penggunaan subjek kajian (Sahman, 1993: 38-39). Karya seni visual sebagai satu keutuhan bentuk sudah tentu memiliki jenis dan gaya tertentu yang merujuk kepada sifat individual, sosial, budaya, tempat dan zaman tergantung dari perspektif mana ianya dilihat (Chapman, 1978: 41).

Kemudian, sebuah karya seni pada umumnya merefleksikan suatu isi yang berupa pesan, ide atau tema yang ingin disampaikan. Berkenaan hal ini,

Koentjaraningrat (1970: 28) mengatakan bahawa dalam konteks penggunaannya yang luas, isi dari sebuah karya seni pada umumnya merujuk kepada beberapa hubungan dasar manusia seperti hubungan manusia dengan dirinya sendiri, hubungan manusia dengan manusia lainnya, hubungan manusia dengan alam sekitar, hubungan manusia dengan unsur adikodrati dan hubungan manusia dengan produk ciptaan kebudayaannya sendiri.

Namun begitu, isi dari sebuah karya seni visual itu hanya dapat disampaikan melalui penggunaan atau penerapan tanda atau simbol tertentu. Dunia pembentukan simbol dalam seni visual sangat beragam dan bebas sehingga memungkinkan karya seni visual memiliki simbol ikonik iaitu tanda yang memiliki kemiripan dengan apa yang ditandai dan juga simbol *arbitrary* (mana suka) yang tidak memiliki hubungan secara langsung dengan apa yang ditandai tetapi telah disepakati secara sosial (Nooryan Bahari, 2008: 106). Berkat adanya kedua-dua jenis simbol ini, karya seni visual mampu memiliki ciri- representasi sekaligus ciri simbolik kerana keupayaannya menghadirkan makna yang lebih dalam melalui kenyataan yang direpresentasikan.

Selanjutnya, Kamus Dewan (2010) mendefinisikan istilah atau kata kolektif sebagai bersama-sama atau beramai-ramai sebagai suatu kumpulan (dalam melakukan sesuatu). Dari definisi tersebut dapat difahami bahawa kata kolektif ini memiliki dua sisi yang tidak dapat dipisahkan. Sisi pertama merujuk pada sifatnya sebagai satu kesatuan individu yang bergabung bersama-sama di dalam satu kumpulan. Sedangkan, sisi kedua merujuk kepada kegiatan yang dilakukan atau dikerjakan oleh mereka sebagai sebuah kumpulan individu. Ada pun jumlah bagi sebuah kolektif itu dan juga kegiatan yang dilakukan mereka secara bersama-sama itu adalah bersifat relatif.

Perubahan sosial-budaya adalah perubahan yang terjadi pada unsur-unsur sosial dan budaya dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Apa yang dimaksudkan dengan unsur-unsur sosial adalah lembaga kemasyarakatan seperti sistem sosial, nilai sosial, sikap-sikap sosial, norma sosial, sistem pelapisan sosial, struktur sosial, proses sosial dan pola hubungan sosial. Manakala, apa yang dimaksudkan dengan unsur budaya adalah bahasa, sistem pengetahuan, sistem kemasyarakatan, teknologi, sistem mata pencarian hidup, agama dan kesenian (Sutardi, 2007: 34).

Berdasarkan realiti sosial-budaya yang ada selama ini, Rohidi (1994: 103-104) menyatakan bahawa unsur-unsur sosial-budaya yang mudah berubah adalah berbentuk material seperti alam persekitaran, teknologi, ekonomi, kesenian, gaya hidup, infrastruktur dan ilmu pengetahuan. Sebaliknya, unsur-unsur sosial-budaya yang sukar berubah adalah yang bersifat bukan material seperti keyakinan, kepercayaan, sikap, nilai, norma dan agama.

Ketika diperhadapkan dengan satu-satu perubahan sosial-budaya, kesan perubahan tersebut bergantung kepada jenis masyarakat yang menerima atau menolak perubahan sosial-budaya itu. Bagi yang menerima, akan terjadi integrasi atau penyelarasan pada masyarakat tersebut. Penyesuaian ini selalunya diterima sebagai strategi adaptasi yang harus dijalani, dinikmati dan diselenggara dengan baik dalam bentuk-bentuk integrasi sosial. Namun begitu, jika satu perubahan sosial-budaya itu tidak diterima dengan baik oleh warga masyarakat maka akan terjadi disintegrasi sosial seperti pergolakan suku kaum, demonstrasi, jenayah, kerosakan alam sekitar, gaya hidup menyimpang dan lain-lain lagi.

Diterima atau tidaknya satu-satu perubahan sosial-budaya itu pada umumnya dipengaruhi oleh beberapa faktor misalnya taraf sosio-ekonomi, pendidikan, kecenderungan politik, kecenderungan agama, umur, jantina, bangsa, suku kaum dan sebagainya. Sudah tentu secara realistik kesan ini bukan sahaja berbeza dari satu zaman ke zaman lainnya tetapi juga berbeza dari satu masyarakat ke masyarakat yang lain (Koentjaraningrat, 1970: 34-37).


## **Metodologi**

Untuk dapat mendekati, memahami seterusnya menjelaskan karya-karya seni visual dari kolektif Pangrok Sulap, maka kajian ini akan menggunakan kerangka kajian seni yang mana asas-asasnya diambil dari kerangka kajian kualitatif. Ini sejajar dengan apa yang telah diungkapkan oleh Creswell (2014: 4) iaitu kajian kualitatif sangat berpotensi untuk digunakan untuk meneroka dan memahami makna-makna simbolik yang terhasil dari kegiatan atau hasil kegiatan manusia dari satu masalah kemanusiaan, kemasyarakatan atau kebudayaan.

Harus ditegaskan terlebih dahulu di sini bahawa tidak semua hasil karya seni visual yang telah diciptakan oleh kolektif Pangrok Sulap masuk dalam tema dan konteks permasalahan yang ingin dibincangkan di dalam kajian ini. Ini sekaligus bermakna hanya sebilangan karya-karya dari kolektif ini sahaja yang dianalisis. Kriteria utama yang digunakan sebagai strategi bagi pemilihan karya-karya tersebut ditentukan melalui tema yang dibawa oleh karya-karya seni visual tersebut yang ingin mengungkapkan atau mengespresikan isu atau permasalahan yang berkaitan dengan perubahan sosial-budaya di negeri Sabah.

Seperti mana kajian kualitatif lainnya, kajian ini berusaha untuk mendapatkan data tentang karya seni melalui beberapa kaedah pengumpulan data seperti pemerhatian, temubual dan data dokumen. Ketiga-tiga kaedah pengumpulan data ini difikirkan relevan untuk mendapatkan sejumlah data yang relevan dengan masalah yang dikaji serta selari dengan konteks yang dibahaskan. Untuk lebih memudahkan proses mengumpulkan data, maka beberapa alat pengumpulan data digunakan seperti perakam audio ketika menjalankan proses temubual dan juga kamera ketika mengadakan pemerhatian terhadap karya-karya seni visual yang diteliti.

Dalam hal analisisnya, maka kajian ini akan menganalisis sejumlah karya-karya seni visual terpilih dari kolektif Pangrok Sulap melalui pendekatan kritikan seni seperti yang digariskan oleh Barrett (1982) dan Barrett (2000) di bawah:



**Rajah 1: Model kritikan seni karya seni visual kolektif Pangrok Sulap dalam konteks perubahan sosial-budaya di Sabah**

Sumber: Model diadaptasi dari Barrett (1982) dan Barrett (2000).

Berdasarkan model pendekatan kritikan seni yang digambarkan di atas, kajian ini menempatkan objek utama kajian (A) Karya Seni Visual kolektif Pangrok Sulap pada kedudukan di tengah-tengah dan dilingkari oleh faktor yang mempengaruhi kewujudan karya seni visual tersebut (B) Konteks Perubahan Sosial-Budaya.

Karya seni visual (A) yang merupakan fakta objektif dari fenomena seni visual kemudian dianalisis melalui Kaedah Kritikan Seni (C). Sebagai objek pengamatan, ianya akan melalui beberapa tahap iaitu tahap deskripsi (C1) menjelaskan apa sahaja yang tampak dari sebuah karya seni merangkumi subjek kajian, media dan teknik. Selanjutnya, ia beralih pada tahap analisis (C2) menganalisis struktur bentuk yang berkaitan dengan unsur seni dan juga prinsip rekaann serta jenis dan gaya. Bagi memahami aspek-aspek ide atau tema yang berada di sebalik karya seni visual itu, ianya dilanjutkan dengan tahap interpretasi (C3) menginterpretasi tanda atau simbol sehingga memunculkan makna. Setelah selesai ketiga-tiga tahap tersebut, proses kritikan seni sampai pada tahap menemukan kualiti artistik dan juga kualiti tematik yang dapat dirumuskan berdasarkan perbandingan antara karya-karya tersebut dengan karya-karya terdahulu (C4).

Berdasarkan kesesuaiannya dengan persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini, proses kritikan seni hanya akan digunakan pada tiga tahap sahaja (C1 sehingga C3).

## **Dapatan dan Perbincangan**

Hasil analisis dari kajian ini dapat disusun ke dalam beberapa sub pembahasan seperti di bawah:

### *Ide atau Tema Karya Seni Visual dari Kolektif Pangrok Sulap*

Dilihat dari sisi ide atau tema pengkaryaan, karya-karya seni visual dari kolektif Pangrok Sulap menunjukkan adanya variasi dari pelbagai fenomena atau gejala perubahan sosial-budaya yang sedang dan telah terjadi di negeri Sabah. Tema-tema perubahan sosial-budaya itu dapat dipecahkan kepada




tiga kelompok utama iaitu perubahan lingkungan alam sekitar yang disebabkan oleh tindakan manusia, penambahan penduduk yang disebabkan oleh penghijrahan atau perpindahan manusia lintas sempadan dan juga perubahan gaya hidup yang disebabkan oleh globalisasi budaya.

Lingkungan alam sekitar tempat manusia berinteraksi dan juga memenuhi segala keperluan hidupnya sentiasa mengalami perubahan. Salah satu fenomena perubahan alam sekitar yang begitu menonjol di Sabah bukanlah disebabkan oleh bencana alam tetapi sebaliknya disebabkan oleh tindakan manusia sendiri seperti aktiviti pembangunan, aktiviti pembuangan sampah sarap secara terbuka, aktiviti pembalakan dan sebagainya.



**Gambar 1: *Jungle of Hope* (2015) Cetakan dakwat di atas kertas**

Sumber: Kolektif Pangrok Sulap



**Gambar 2: *Never Surrender!* (2012) Cetakan dakwat di atas kertas**

Sumber: Kolektif Pangrok Sulap

Tema-tema perubahan lingkungan alam sekitar dapat disemak melalui karya *Jungle of Hope* (2015) dan juga *Never Surrender* (2012). Karya *Jungle of Hope*, misalnya diinspirasikan dari isu atau permasalahan pencemaran hutan di Sabah yang disebabkan oleh adanya aktiviti pembuangan sampah sarap secara terbuka oleh manusia. Makna kemusnahan ekosistem hutan sekaligus habitat haiwan liar ditunjukkan melalui keadaan lanskap hutan yang sudah gersang dan tercemar oleh timbunan sampah-sarap hasil tindakan tidak bermoral dari manusia. Bukan itu sahaja, terdapat juga makna-makna lain muncul seperti kegagalan haiwan liar beradaptasi dengan perubahan lingkungan yang disimbolkan melalui keadaan tubuh Orang Utan yang kurus dan terbaring lemah di atas dahan serta makna kepanasan cuaca melampau

yang disimbolkan melalui garisan berpusar dengan warna yang kontras pada bahagian latar belakang.

Berbeza dengan itu, karya *Never Surrender!* pula diciptakan berdasarkan itu atau permasalahan tentang pembangunan Empangan Kaiduan di tengah-tengah penempatan masyarakat desa di daerah Papar yang diketahui umum menuai banyak kontroversi dan tentangan dari pelbagai pihak kerana dikhuatiri bukan sahaja menenggelamkan tempat tinggal manusia tetapi juga budaya yang sudah hidup sejak zaman-berzaman. Karya ini mengekspresikan makna kehancuran yang disimbolkan melalui visual kawasan perkampungan manusia yang telah ditenggelami oleh air empangan sehingga yang tampak hanyalah beberapa bumbung rumah tradisional dan juga beberapa batang pohon kelapa. Selain itu, karya ini juga mengungkapkan makna lain seperti makna semangat perjuangan dalam melawan kegetiran hidup yang ditunjukkan melalui aksi figura perempuan mengangkat sebelah tangan ke atas dengan teks tertulis “*STOP KAIDUAN DAM*” walaupun wajahnya muram dan lesu dalam keadaan separuh tubuhnya ditenggelami oleh air empangan.

Seterusnya, ide atau tema perubahan sosial-budaya lainnya adalah berkenaan dengan fenomena pertambahan penduduk yang disebabkan oleh perpindahan manusia. Dalam konteks ini, fenomena pertambahan penduduk di negeri Sabah bukan sahaja disumbangkan oleh proses urbanisasi dan migrasi dari kawasan desa ke kawasan kota tetapi juga disebabkan oleh proses imigrasi atau proses perpindahan penduduk rentas sempadan atau negara. Kemakmuran ekonomi Sabah dan juga peperangan saudara di negara jiran Filipina telah mengakibatkan terjadinya penghijrahan beramai-ramai warga asing yang masuk dan menetap di negeri ini.



**Gambar 3: *Kami Mau Makan Kami Di-Makan* (2014) Cetakan dakwat di atas kertas**

Sumber: Kolektif Pangrok Sulap

**Gambar 4: *Menjual Salah! Membeli Salah! Siapa Benarkan Semua Ini?* (2015) Cetakan dakwat di atas kertas**

Sumber: Kolektif Pangrok Sulap

Ide atau tema yang menyoroti fenomena pertumbuhan penduduk dapat dilihat pada karya *Kami Mahu Makan Kami Di-Makan* (2014) dan *Menjual Salah! Membeli Salah! Siapa Benarkan Semua Ini?* (2015). Karya *Kami Mahu Makan Kami Di-Makan* berangkat dari isu atau permasalahan keberadaan hidup golongan gelandangan khususnya kanak-kanak dari masyarakat imigran Filipina khususnya di kawasan Kota Kinabalu yang berhadapan dengan hasrat pihak berkuasa suatu ketika dulu yang ingin memperkenalkan undang-undang yang ingin mendenda sesiapa sahaja yang didapati meminta sedekah di kawasan awam. Antara makna yang muncul dari karya ini adalah makna keperitan hidup yang ditunjukkan melalui visual figura seorang kanak-kanak yang bertubuh kurus dan dalam keadaan yang kusut-masai sedang duduk meminta sedekah. Di samping itu, karya ini juga cuba mengekspresikan makna penindasan yang disimbolkan melalui visual mulut seorang penguasa sedang ternganga luas seolah-olah ingin menelan mangsanya dengan rakus iaitu kanak-kanak gelandangan yang digarap dalam skala tubuh yang kecil.

Manakala, karya *Menjual Salah! Membeli Salah! Siapa Benarkan Semua Ini!* diinspirasi oleh fenomena penjualan rokok seludup yang dianggap sebagai salah satu dari jenayah perdagangan yang semakin hari semakin berleluasa. Salah satu makna yang tampak jelas dari karya ini adalah makna kejahatan sosial yang ditunjukkan melalui dua sisi yang berbeza. Di satu sisi, secara terang-terangan ianya disimbolkan melalui visual figura seorang lelaki imigran bertubuh gelap sedang melakukan aktiviti menjual rokok seludup kepada rakyat tempatan yang diwakili oleh seorang figura bertubuh cerah yang sedang memandu sebuah van atau bas mini. Sedangkan, di sisi lain, secara terselindung makna kejahatan sosial itu ditunjukkan melalui tubuh penguasa yang gempal sedang menghembuskan asap rokok dengan ikon matawang, suatu simbol terhadap adanya kegiatan korupsi yang membenarkan gejala ini terus-menerus berlangsung.

Selanjutnya, ada pula ide atau tema perubahan sosial-budaya yang terkait dengan globalisasi budaya yang disebabkan oleh masuknya budaya

asing. Sebagai suatu proses yang mendunia, globalisasi yang diakibatkan oleh perkembangan pesat ilmu pengetahuan dan teknologi sememangnya dirasakan oleh siapa sahaja dan di mana sahaja. Di Sabah, proses globalisasi budaya dapat dirasakan bukan sahaja pada unsur hiburan seperti muzik dan filem tetapi juga pada sisi-sisi lain kehidupan berbudaya seperti fesyen, produk, peralatan, makanan, bahasa dan lain-lain lagi.



**Gambar 5: *Kalau Mau Bangsa Maju Belilah Sigup Nenek!* (2016) Cetakan dakwat di atas kertas**

Sumber: Kolektif Pangrok Sulap

**Gambar 6: *Jangan Beli Bikin Sendiri* (2015) Cetakan dakwat di atas kertas**

Sumber: Kolektif Pangrok Sulap

Tema-tema globalisasi budaya dapat ditelaah melalui karya *Kalau Mau Bangsa Maju Belilah Sigup Nenek!* (2016) dan *Jangan Beli Bikin Sendiri* (2015). Karya *Kalau Mau Bangsa Maju Belilah Sigup Nenek!* mendapat ilham dari isu atau permasalahan banjir produk asing sehingga mengancam survival produk tradisi yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan khususnya di daerah-daerah pedalaman Sabah. Makna survival budaya ini disimbolkan melalui dua orang figura perempuan tua yang sedang memegang sebuah bakul sambil menawarkan produk jualan mereka kepada sesiapa sahaja yang memerhati karya ini. Wajah mereka yang kelihatan tegang merefleksikan suasana hati mereka yang khuatir atau risau akan kenyataan hidup bersaing dengan pelbagai produk sejenis yang lebih mendapat perhatian atau permintaan.

Berbeza dengan itu, karya *Jangan Beli Bikin Sendiri* diilhamkan dari isu atau persoalan budaya masyarakat moden masa kini yang terlalu bergantung kepada produk asing sehingga segala sesuatu diselesaikan dengan cara membeli. Makna utama dari karya ini adalah ketahanan etos

budaya tradisi yang ditunjukkan melalui simbol alat-alat pertukangan yang sebenarnya merupakan etos masyarakat tradisi yang lebih gemar menghasilkan sendiri barang atau objek bagi keperluan hidup mereka. Secara tersirat, simbol-simbol tersebut ingin mengangkat kembali etos kehidupan masyarakat tradisi yang menjunjung tinggi nilai keyakinan, kemampuan serta kemandirian diri untuk menyelesaikan setiap permasalahan hidup yang mereka hadapi tanpa bergantung kepada pihak lain.

### *Bentuk, Jenis dan Gaya Karya Seni Visual dari Kolektif Pangrok Sulap*

Pada umumnya, karya-karya seni visual yang dihasilkan oleh kolektif Pangrok Sulap cenderung memperlihatkan bentuk dua dimensi kecuali sejumlah kecil yang dipersembahkan dalam bentuk seni instalasi. Karya-karya dua dimensi itu pula didominasi dari jenis seni cetakan kayu, baik yang dicetak di atas kertas, kanvas mahu pun dari jenis permukaan material lainnya.

Ketika ditanya tentang pemilihan seni cetakan sebagai disiplin seni visual utama dari kolektif ini, Rizo (2016) menjelaskan bahawa pemilihan seni cetakan khususnya cetakan kayu bermula sebaik sahaja kolektif ini menghadiri bengkel seni cetakan yang dianjurkan oleh salah satu kumpulan *punk-rock* dari Indonesia iaitu Marjinal di Kota Kinabalu pada satu ketika dahulu. Berdasarkan pengetahuan yang diperolehi dari bengkel itu mereka bersama-sama mengembangkan minat dan bakat mereka dalam bidang seni visual.



**Gambar 7: Karya cetakan baju dari kolektif Pangrok Sulap**

Sumber: Pangrok Sulap

Bukan itu sahaja, seni cetakan kayu sebagai disiplin seni visual dipilih oleh mereka kerana ianya murah, menjimatkan bahkan pada sudut tertentu dapat dikembangkan kepada bentuk-bentuk yang dapat menjana pendapatan bagi kolektif ini. Memang benar, sebagai sebuah kolektif seni mereka banyak menghasilkan karya seni cetakan kayu yang dicetak di atas permukaan kertas atau kanvas tetapi di samping itu mereka juga mencetak kembali visual-visual tersebut di atas permukaan baju T bagi mengumpulkan dana bagi projek-projek seterusnya.



**Gambar 8: Karya seni cetakan kayu dari kolektif Pangrok Sulap**

Sumber: Pangrok Sulap

Jika diamati, karya-karya seni cetakan dari kolektif Pangrok Sulap dari dahulu sehingga sekarang sebenarnya menunjukkan kepada dua format yang berbeza iaitu format konvensional yang relatif berukuran besar dan format poster yang lazimnya berukuran kecil. Kebetulan, kebanyakan karya yang dijadikan objek utama kajian ini tergolong dalam kategori format kedua iaitu format poster di mana antara ciri-ciri utamanya adalah adanya gabungan unsur visual dan juga unsur teks dalam satu komposisi karya. Selain itu, sifat umum dari seni cetakan dalam format poster ini juga memperlihatkan adanya penerapan kontras yang kuat dari warna hitam dan putih yang diaplikasikan dalam ukuran bidang karya kira-kira 33sm x 43sm. Meskipun karya-karya ini pada kebiasaannya dicetak berulang-ulang kali tetapi kerap kali tidak dicatatkan nombor edisi kecuali dicap dengan pengecap yang tertera dengan nama kolektif ini. Lagi pula, permukaan material yang digunakan adalah kertas, material yang kebiasaannya dihubungkan dengan seni cetakan kayu dengan skala poster.





**Gambar 9: Karya seni cetakan kayu di atas kanvas oleh kolektif Pangrok Sulap**  
Sumber: Pangrok Sulap

Oleh kerana karya seni cetakan kayu mereka dicetak dalam skala ukuran yang kecil, jadi tidak hairanlah mengapa visualisasi dan komposisi yang ditampilkan cukup sederhana, ringkas dan longgar. Ini sama sekali berbeza jika dibandingkan dengan karya-karya seni cetakan kayu dalam format konvensional di mana visualisasinya kelihatan lebih rumit, terperinci dan padat seperti yang dapat dilihat pada gambar di atas. Akan tetapi, kesederhanaan, keringkasan serta kelonggaran dalam aspek visual dan komposisi itulah sebenarnya menjadi kekuatan seni poster sehingga makna yang disampaikan lebih tegas dan mudah untuk difahami ketika diapresiasi oleh masyarakat.



**Gambar 10: *Kami Mau Makan Kami Di-Makan* (2014) Cetakan dakwat di atas kertas**  
Sumber: Kolektif Pangrok Sulap

Dilihat dari aspek gaya, karya-karya seni cetakan kayu dari Pangrok Sulap kental dengan pengaruh dari gaya Ekspresionisme. Gaya Ekspresionisme sangat jelas terlihat dari cara ungkapan karya-karya mereka yang sangat ekspresif khususnya dari garapan garisan yang ekspresif serta gambaran visual yang tampil dengan bentuk-bentuk yang penuh dengan unsur penyederhanaan dan pengherotan sehingga adakalanya tidak menghiraukan kenyataan atau realiti kerana kesemuanya itu diolah kembali melalui daya imaginasi.

## **Penutup**

Berdasarkan hasil analisis yang dibentangkan di atas, dapat dirumuskan bahawa seni visual kontemporari di negeri Sabah berada pada jalur perjalanan yang selari dengan perkembangan seni rupa kontemporari, baik di peringkat nasional, serantau mahu pun antarabangsa seperti yang pernah dikemukakan oleh Turner (1999: 23) di awal artikel ini. Hal tersebut dibuktikan melalui ide dan tema yang dibawa oleh kolektif Pangrok Sulap dalam karya mereka yang peka terhadap pelbagai kompleksiti perubahan sosial-budaya yang sedang dan sudah terjadi di negeri ini misalnya isu atau permasalahan yang berhubungan dengan fenomena perubahan alam sekitar, pertambahan penduduk dan juga globalisasi budaya.

Pada ketiga-tiga ide atau tema pengkaryaan tampak bahawa adanya sikap penentangan dan penolakan di satu sisi dan empati yang mendalam di sisi lain. Sikap penentangan dan penolakan ini disebabkan oleh perubahan sosial-budaya yang terjadi membawa kesan buruk pada lingkungan alam sekitar atau segelintir aktor dalam masyarakat; sebaliknya, sikap empati tampak jelas kerana perubahan sosial-budaya yang terjadi membawa bencana kepada seluruh isi lingkungan alam sekitar, golongan marjinal dalam masyarakat atau tradisi budaya lokal yang semakin dilupakan.

Sudah tentu, sikap-sikap ini diungkapkan kembali melalui simbol yang bertaburan di atas karya-karya mereka dan makna-makna yang berada disebalik simbol-simbol tersebut, baik secara visual mahu pun secara abstrak dengan menggunakan unsur-unsur formalistik. Kesemuanya ini dibungkus di dalam bentuk karya dua dimensi dari jenis seni cetakan yang cenderung mengarah pada seni poster sebagai medium mereka menyampaikan pesan-pesan alam sekitar, sosial mahu pun budaya yang sedang berubah.



Sungguh pun begitu, difahami bahawa kajian ini memiliki batasan atau limitasi. Tidak semua dari perubahan sosial-budaya yang terjadi di negeri Sabah dapat dimuatkan dalam tulisan artikel yang singkat ini dan tidak semua dari karya-karya Pangrok Sulap yang relatif banyak dapat dikaitkan secara langsung dengan topik perbahasan ini. Adalah menjadi harapan agar kajian sejenis ini dapat diteruskan untuk karya-karya Pangrok Sulap yang lain atau dari seniman Sabah yang lain.

### **Penghargaan**

Kami mahu mengucapkan ribuan terima kasih ke atas pihak penerbit jurnal ini kerana memberikan kami peluang yang secukup-cukupnya untuk menerbitkan artikel dari kajian ini. Seterusnya, kami ingin mengucapkan penghargaan terima kasih kami kepada Prof. Madya. Zairul Anuar Md. Dawam selaku Penilai atas segala komen yang telah diberikan bagi memperbaiki mutu tulisan artikel ini. Tidak lupa juga kami ingin memberikan sekalung penghargaan ucapan terima kasih dari kami kepada kolektif Pangrok Sulap khususnya Rizo Leong kerana memberikan kerjasama sewaktu kajian ini dilaksanakan.

### **Rujukan**

#### *Artikel Jurnal*

- Hasnul Jamal Saidon. (2003). Cabaran Praktis Seni Elektronik dalam Era Maklumat. *Wacana Seni: Journal of Arts Discourse*. 2(2): 55-88.
- Hazrizan Masri. & Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani. (2015). Mendepani Cabaran Karya Seni Elektronik. *Jurnal Seni dan Pendidikan*. 3(1): 96-100.
- Jasni Dollah. (2015). Masa Depan Karya Seni Media Baru. *TENIAT: Jurnal Antarabangsa 'Creative Futures' dan Warisan*. 1(1): 123-131.
- Liza Marziana Mohammad Noh., Hamdzun Haron., Abdul Latif Samian. & Ahmadrashidi Hasan. (2015). Formalistic as an Analysis Method in Signifying the Malay Cultural Symbol in Malaysian Modern Art of Paintings. *Mediterranean Journal of Social Science*. 6(1): 30-38.

Mazlan Abdul Karim dan Abdul Rahman Mohamed. (2011). Tema Sastera Klasik Melayu: Peribahasa dan Bidalan dalam Karya Cetakan Pelukis Malaysia. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu*. 3(2): 41-53.

Safrizal Shahir. (2009). GO BLOCK: 5 Contemporary Malaysian Printmakers. *Wacana Seni: Journal of Arts Discourse*. 8(1): 127-133.

Sarena Abdullah. (2012). The Environment As a Theme in Malaysian Art. *Journal of Southeast Asian Studies*. 17(1): 261-280.

### *Buku*

Barrett, M. (1982). *Art Education: A Strategy for Course Design*. London, Heinemann Educational Books.

Barrett, T. (2000). *Criticizing Art: Understanding the Contemporary*. California, Mayfield Publishing Company.

Chapman, L. H. (1978). *Approaches to Art in Education*. New York, Harcourt Brace Jovanovich Inc.

Creswell, J.W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative & Mixed Methods Approaches*. California, SAGE Publication Inc.

Kamus Dewan. (2010). *Edisi Keempat*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koentjaraningrat. (1970). *Pengantar Antropologi*. Kuala Lumpur, Pustaka Antara.

Muliyadi Mahamood. (2000). *Seni Lukis Moden Malaysia*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nooryan Bahari. (2008). *Kritik Seni: Wacana, Apresiasi dan Kreasi*. Jakarta, Pustaka Pelajar.

Rohidi, T.R. (1994). *Pendekatan Sistem Sosial Budaya dalam Pendidikan*. Semarang, IKIP Press.

Sahman, H. (1993). *Mengenal Dunia Seni Rupa: Tentang Seni, Karya Seni, Aktivitas Kreatif, Apresiasi, Kritik dan Estetika*. Semarang, IKIP Semarang Press.

- Saidi, A.I. (2008). *Narasi Simbolik Seni Rupa Kontemporer Indonesia*. Yogyakarta, ISAACBOOK.
- Sutardi, T. (2007). *Antropologi Mengungkap Keragaman Budaya*. Bandung, Penerbit IPT Setia Puma Inves.
- Turner, C. (1999). *Tradition and Change: Contemporary Art of Asia and the Pacific*. Queensland, University of Queensland Press.

*Bab dalam buku*

- Attoinette, M. (2002). Different Visions: Contemporary Malaysian Art and Exhibition on the 1990s and Beyond, Turner, C. (eds.). *Art and Social Change: Contemporary Art in Asia and Asia Pacific*. Pandanus Books, Canberra, Australia (hlm. 229-252).
- Redza Piyadasa. (1993). Modern Malaysian Art 1945-1991. Turner, C. (eds.). *Tradition and Change: Contemporary Art of Asia and Asia Pacific*. University of Queensland Press, Queensland, Australia (hlm. 58-71).

*Tesis*

- Abdul Halim Hussain. (2007). *Identiti Visual Seni Arca Moden Malaysia dalam Konteks Kebudayaan*. Fakulti Seni dan Pengkomputeran UPSI, Tanjung Malim. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan, Tanjung Malim.
- Humin Jusilin. (2013). *Ikon dalam Objek Budaya Masyarakat Iranun di Sabah*. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS, Kota Kinabalu. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan, Kota Kinabalu.
- Ismail Ibrahim. (2005). *Simbolisme dalam Motif Kraf Tangan Suku Kaum Murut Tahol (Tagal)*. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS, Kota Kinabalu. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan, Kota Kinabalu.